

## **INOVASI eSTORE: GERBANG DOKUMENTASI SATU PENYELESAIAN CARIAN MAKLUMAT DI KOLEJ KOMUNITI ROMPIN**

**[*eSTORE INNOVATION: A SINGLE DOCUMENTATION GATEWAY FOR INFORMATION SEARCH SOLUTIONS AT ROMPIN COMMUNITY COLLEGE*]**

MOHD JUWAHIR PA'IMAN<sup>1</sup>, AHMAD MUZAFFAR ABDUL AZIZ<sup>1</sup>

<sup>1</sup> Kolej Komuniti Rompin, Jalan Rompin Pekan, 26800 Kuala Rompin, Pahang, MALAYSIA.  
E-mail: mohdjuwahirpaiman@yahoo.com; ahmad.muzaffar@kkrompin.edu.my

Corresponding author: ahmad.muzaffar@kkrompin.edu.my

Received: 18 January 2025 | Accepted: 19 February 2025 | Published: 30 March 2025

**Abstrak:** Inovasi digital dalam pengurusan maklumat organisasi menjadi keperluan utama dalam meningkatkan kecekapan kerja staf pendidikan tinggi. Kolej Komuniti Rompin menghadapi cabaran dalam capaian dokumen seperti borang, takwim dan pautan rasmi yang sebelum ini berselerak dan sukar diakses. Sebagai penyelesaian, sistem eStore: Gerbang Dokumentasi dibangunkan menggunakan *Google Sites* bagi menyediakan satu gerbang maklumat sehenti yang mesra pengguna, mudah diselenggara, dan pantas diakses. eStore memberi kemudahan kepada staf untuk mendapatkan dokumen penting tanpa perlu bergantung kepada komunikasi manual atau pencarian berulang. Walaupun belum dilengkapi fungsi carian atau keselamatan lanjutan, impak awal menunjukkan peningkatan kecekapan kerja dan pengurangan beban pentadbiran. Maklum balas tidak rasmi juga menunjukkan kepuasan dalam kalangan pengguna. Ini selari dengan dapatan Tan dan Lee (2019) yang menegaskan bahawa pengurusan maklumat berdasarkan awan seperti *Google Sites* dapat menyokong transformasi digital yang berskala kecil tetapi berkesan dalam konteks institusi Pendidikan. Penulisan ini membincangkan pembangunan, keunikan, impak dan potensi peluasan inovasi eStore. Ia membuktikan bahawa inovasi berasaskan platform sedia ada mampu menyokong transformasi digital secara mampu dalam pengurusan maklumat di kolej komuniti.

**Kata kunci:** Inovasi Digital, Pengurusan dan Pengumpulan Dokumen

**Abstract:** *Digital innovation in organizational information management has become a critical need in enhancing staff efficiency within higher education institutions. Kolej Komuniti Rompin encountered challenges in accessing essential documents such as forms, academic calendars, and official links, which were previously scattered and difficult to locate. As a solution, the eStore system was developed using Google Sites to provide a centralized, user-friendly, and easily maintained information gateway. eStore enables staff to retrieve important documents without relying on manual communication or repeated document requests. Although it currently lacks advanced features such as search functions or secure login, early results have shown improvements in workflow efficiency and reduced administrative burden. Informal feedback from users also indicates satisfaction with easier access to institutional information. This aligns with findings by Tan and Lee (2019), who highlight that cloud-based information systems like Google Sites can effectively support scalable and sustainable digital transformation within academic institutions. This study discusses the development process, key features, practical impact, and potential scalability of the eStore innovation. It demonstrates that*

*leveraging existing digital platforms can facilitate meaningful institutional transformation, especially in community college environments with limited resources.*

**Keywords:** eStore, document management, digital transformation, community college

**Cite This Article:** Mohd Juwahir Pa'iman & Ahmad Muzaffar Abdul Aziz. 2025. Inovasi eStore: Gerbang Dokumentasi Satu Penyelesaian Carian Maklumat di Kolej Komuniti Rompin [eStore Innovation: A Single Documentation Gateway for Information Search Solutions At Rompin Community College]. *Global Journal of Educational Research and Management (GERMANE)*, 5(1), 73-82.

## PENGENALAN

Dalam era globalisasi, teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) memainkan peranan penting sebagai pemangkin kepada pembangunan dan inovasi sesebuah tamadun manusia. Teknologi ICT dilihat dapat menjadikan aktiviti pengurusan dan pentadbiran negara berjalan dengan lebih sistematik dan teratur. Kerja pengurusan dokumen, permohonan, pemprosesan dan sebagainya menjadi lebih cepat, cekap dan efisien. Keadaan ini bukan sahaja dapat menjimatkan masa, bahkan menjimatkan tenaga dan wang perbelanjaan bagi pihak kerajaan mahupun rakyat itu sendiri (Norashikin Zainal Abidin, Noraizah Sahari @ Ashaari, Hasmiah Kasimin, & Siti Hajar Mohd Idris, 2011).

Melalui bantuan teknologi maklumat dan komunikasi juga kualiti penyampaian perkhidmatan akan meningkat dimana perkhidmatan boleh didapatkan secara berterusan dua puluh empat jam (Hasmiah Kasimin, Siti Hajar Mohd Idris, & Noraizah Sahari, 2010) tanpa mengira batas lokasi.

Menurut Nur Syazwani Mohtar & Muhammad Ammar Shafi (2021), pada zaman teknologi yang sedang pesat berkembang, digitalisasi dapat membantu untuk membolehkan transformasi dalam proses perniagaan dari segi mengendalikan mesin, mengurus pelanggan, menjalankan urus niaga, menyampaikan perkhidmatan dan mendapatkan maklum balas dalam persekitaran digital sepenuhnya.

## LATAR BELAKANG

Pemimpin dapat diterjemahkan kepada enam peranan tindakan seperti berikut iaitu : menyelesaikan masalah persekitaran yang kompleks, mengamalkan komunikasi berkesan, mempunyai fleksibiliti, mengaplikasi teknologi terkini, menggabungkan konsep lama dan baharu (Fullan, 1998) dan menjadi fasilitator perubahan (Hall dan Hord, 2014). Perkara ini turut dinyatakan oleh Rahayu Ahamad Bahtiar, Sham Ibrahim, Halijah Ariffin, Nor Hazimah Ismail, & Wan Mohd Khairul Wan Isa (2020), apabila mereka sepakat dalam kajian mereka menyatakan bahawa pemimpin merupakan agen perubahan bagi mencapai kejayaan organisasi melalui peranan-peranan yang perlu dimainkan disamping menjadi fasilitator perubahan melalui dimensi keprihatinan kepada orang lain, kecekapan organisasi dan strategi perubahan.

Drucker (2017), pula menyatakan : “*The greatest danger in times of turbulence is not the turbulence. It is to act with yesterday's logic.*” Berdasarkan kata-kata Drucker ini dapat dijelaskan bahawa setiap pemimpin dalam sesebuah organisasi perlu untuk mengetahui dan mengambil strategi pengurusan risiko agar dapat terus dilaksanakan dalam satu budaya kerja baharu. Oleh yang demikian, pemimpin perlu mempersiapkan diri dalam segala aspek apabila berhadapan dengan dunia yang berubah-ubah agar dapat mengadaptasi apa jua keadaan.

Menurut Hasmiah Kasimin et al., (2010), proses pentadbiran dengan mengambilkira penggunaan teknologi maklumat untuk meningkatkan kecekapan dan penjimatan kos dalam menawarkan penyampaian perkhidmatan kepada rakyat merupakan perkara yang wajar dilaksanakan oleh pemimpin pendidikan hari ini. Dalam aspek teknikal, dana yang mencukupi amat diperlukan bermula dari perancangan, kesediaan prasarana, pasukan sokongan yang kompeten, dokumentasi yang mantap sehingga ke peringkat pelaksanaan dan pemantauan (Mohamed Nazul Ismail, 2020).

Tindakan pemimpin dan warga organisasi yang fleksibel mengubah suai pendekatan tugas mereka serta melangkah keluar dari deskripsi kerja rutin dengan pantas mengikut keutamaan pihak berkepentingan dan tuntutan unik setiap situasi adalah tepat. Fleksibiliti melaksanakan tugas menggunakan aplikasi digital adalah trend masa kini (Rahayu Ahamad Bahtiar et al., 2020) disamping mempunyai sikap fleksibiliti terhadap keperluan semasa dan pada masa akan datang agar selaras dengan tuntutan dunia semasa.

Walau bagaimanapun, sesuatu adaptasi terhadap perubahan teknologi memerlukan tempoh masa yang berbeza bagi setiap orang. Tidak semua orang boleh berubah mengikut tempoh yang ditetapkan sekalipun kesediaan teknikal dapat di atasi sepenuhnya (Mohamed Nazul Ismail, 2020). Inilah antara cabaran yang perlu dihadapi oleh pemimpin yang mahukan perubahan untuk kecemerlangan organisasi. Kerjasama pasukan amat penting bagi menjamin kejayaan setiap aktiviti yang dirancang.

### **Isu yang Dikenalpasti dan Perlu Penambahbaikan**

Pihak institusi telah mewujudkan pelbagai borang yang diperlukan bagi tujuan pengurusan seperti Borang Permohonan Cuti Rehat Melebihi Tiga (03) Hari, Borang Maklumat Pelaksanaan Aktiviti, Borang Rekod Penggantian Waktu Pelepasan dan Borang Laporan Kerosakan di samping borang-borang lain yang berkaitan.

Selain itu juga sebagai hebahan dalaman, pihak institusi seringkali mengeluarkan memo makluman kepada semua warga institusi bagi menyampaikan maklumat secara rasmi untuk tindakan semua pihak berkenaan. Memo-memo ini akan dimuat naik ke dalam aplikasi telegram rasmi institusi sebagai medium perantara. Antara memo yang sering di muat naik adalah panggilan dan keputusan mesyuarat, memo peringatan berkaitan tadbir urus institusi serta hebahan-hebahan terkini untuk tindakan dan makluman semua warga institusi.

Hasil daripada kewujudan pelbagai borang serta lambakan memo dalaman yang dimuat naik ke dalam aplikasi telegram rasmi institusi, ia mengakibatkan kesukaran kepada kakitangan untuk menyemak semula memo atau makluman yang pernah di muat naik sebelum ini. Akibatnya, terdapat kakitangan terlepas maklumat berkaitan tarikh mesyuarat serta tindakan wajar yang perlu diambil perhatian segera.

Rentetan itu, wujudlah rungutan daripada kakitangan di institusi apabila terdapat beberapa dokumen yang merangkumi borang serta pautan-pautan penting gagal atau sukar diakses apabila diperlukan. Hal ini kerana kesemua dokumen dan pautan tersebut tidak berada pada satu lokasi atau platform. Keadaan ini juga boleh menyebabkan tekanan kepada kakitangan sehingga boleh mengganggu emosi serta keberhasilan tugas.

Rungutan ini telah disuarakan melalui medium Mesyuarat Majlis Bersama Jabatan (MBJ) Kolej Komuniti Rompin Bil 2/2021 yang diadakan pada 3 Ogos 2021 secara dalam talian yang mahukan pihak pengurusan mewujudkan satu platform rasmi untuk menempatkan semua borang, memo serta pelaporan aktiviti yang boleh diakses semula oleh kakitangan secara berpusat, mudah dan mesra pengguna.

Maka, secara kronologinya, terdapat dua (02) isu yang dikenalpasti dan perlu kepada penambahbaikan iaitu :

- a. Tiada sebarang platform pengumpulan dokumen penting yang mudah diakses oleh kakitangan.
- b. Kesukaran kakitangan mendapatkan maklumat penting berkaitan institusi.

### **Analisis Keperluan Projek / Aktiviti**

Berdasarkan rungutan dan kegelisahan warga institusi serta mengambil tindakan daripada minit Mesyuarat Majlis Bersama Jabatan (MBJ) Kolej Komuniti Rompin Bil 2/2021 maka adalah perlu pihak pengurusan mewujudkan satu platform yang seragam di samping bagi menghapuskan pembaziran tenaga, kos dan masa.

Selain itu, langkah ini juga merupakan satu inisiatif murni menyahut hasrat pihak kerajaan dengan mengimplementasikan elemen *Go Green* melalui Amalan Pengurusan Lean di institusi yang menjadi sebahagian amalan baik dan perlu diterapkan kepada semua warga.

Justeru, melalui projek ini, adalah diharapkan pihak institusi dapat mewujudkan platform rasmi pengumpulan dokumen serta borang-borang berkaitan urus tadbir institusi yang boleh diakses secara percuma oleh semua warga Kolej Komuniti Rompin seterusnya mendapatkan maklumat penting berkaitan institusi dengan lebih mudah, pantas dan mesra pengguna apabila projek ini mengandungi pautan-pautan yang sering digunakan bagi tujuan pelaksanaan tugas.

Hasrat ini sejajar dengan keadaan serta senario dunia hari ini yang semakin mencabar dan kompleks. Sebarang perubahan dan perancangan perlu bersifat mudah ubah (*agility*) (Rahayu Ahamad Bahtiar et al., 2020) agar tidak menyulitkan mana-mana pihak.

### **PELAKSANAAN PROJEK / AKTIVITI**


Sebagai salah satu elemen Pengurusan *Lean* di institusi, projek ini telah mengenal pasti dua (02) alat *Lean* yang digunakan, iaitu seperti berikut:

Alat <i>Lean</i>	Butiran
Keseragaman Kerja	<p>Alat ini memainkan peranan dalam mencipta sistem terperinci dengan mencipta dokumen Amalan Terbaik untuk setiap prosedur di institusi seperti :</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Mewujudkan titik permulaan yang berkesan untuk kakitangan</li> <li>• Membenarkan kemahiran dan prosedur mudah dipindahkan dari satu kumpulan ke kumpulan yang lain.</li> <li>• Mewujudkan garis dasar untuk prosedur semasa untuk menentukan sama ada terdapat masalah dengan pengeluaran dan untuk membantu menyelesaikan masalah apabila ia ditemui.</li> </ul>
PDCA	<p>PDCA (Plan, Do, Check, Act) merupakan satu metodologi yang digunakan oleh syarikat dan organisasi sebagai satu sistem peningkatan berterusan.</p>

Projek ini juga mengandungi empat (04) objektif pelaksanaan yang perlu dicapai seperti berikut :

- a. Mewujudkan platform rasmi bagi menempatkan semua borang, memo serta pelaporan aktiviti yang boleh diakses semula oleh kakitangan.
- b. Menyediakan mekanisme komunikasi berkesan bagi pengumpulan maklumat korporat institusi
- c. Meningkatkan prestasi dan motivasi kakitangan agar mampu bekerja secara efisien dengan penjimatan kos berkualiti.
- d. Mencetuskan momentum bagi meningkatkan kualiti pengurusan dan tadbir urus di Kolej Komuniti Rompin.

Projek ini melibatkan lima (05) fasa iaitu Perancangan, Pengumpulan Data, Reka bentuk, Perlaksanaan dan Penambahbaikan (jika ada) seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 1 di bawah :



Rajah 1 : Carta Alir Perlaksanaan Projek

## KAEADAH PELAKSANAAN DI INSTITUSI

<b>PERKARA</b>	<b>TINDAKAN</b>
Penerangan kepada Ketua Jabatan	Ketua projek telah membentangkan cadangan pelaksanaan aktiviti kepada ketua jabatan bagi menangani isu berbangkit dalam Mesyuarat Majlis Bersama Jabatan Kolej Komuniti Rompin Bil 2/2021 yang diadakan pada 3 Ogos 2021 secara dalam talian.
Pemakluman kepada pihak pengurusan	Ketua projek membentangkan semula hasil aktiviti di dalam : <ul style="list-style-type: none"> <li>- Mesyuarat Pengurusan</li> <li>- Mesyuarat Majlis Bersama Jabatan</li> </ul>
Hebahan kepada warga	Kakitangan dimaklumkan secara rasmi melalui memo dalaman yang dikeluarkan secara berkala antaranya, <ul style="list-style-type: none"> <li>- KRP.100-16/12/1 Jld.5 (28) bertarikh 12 April 2022</li> <li>- KRP.100-16/12/1 Jld.5 (85) bertarikh 21 Julai 2022</li> </ul>
Pelaksanaan penggunaan estore secara menyeluruh oleh pengurusan	Pihak pengurusan telah bersetuju untuk memuat naik semua laporan dan kertas mesyuarat berkaitan ke dalam modul Pelaporan bagi memenuhi komponen <i>Lean Management</i> serta <i>Go Green</i> . Semua ahli mesyuarat akan dimaklumkan selewatnya sehari awal bahawa kertas minit mesyuarat tertentu telah dimuat naik untuk semakan dan rujukan semasa mesyuarat berlangsung. Ini bermakna tiada lagi cetakan minit mesyuarat lepas serta pelaporan unit / aktiviti diedarkan kepada ahli. Penjimatan kos serta kelestarian alam dapat diimplimenkan melalui projek ini.
Penyertaan pertandingan	Projek ini telah memenangi pingat Emas dalam Pertandingan Inovasi Kolej Komuniti Rompin tahun 2022

## PENCAPAIAN & KEKUATAN PROJEK / AKTIVITI

Projek eStore : Gerbang Dokumentasi telah :

- a. Menyertai dan memenangi pingat Emas dalam Pertandingan Inovasi Kolej Komuniti Rompin Tahun 2022 (PERTINO '22).
- b. Mencapai objektif yang ditetapkan oleh pihak pengurusan
- c. Diterima dan digunakan sebagai salah satu platform perantara pengumpulan dokumen dan maklumat di peringkat institusi.

Selain itu juga, projek ini telah berjaya membuktikan bahawa:

- a. Projek yang dibangunkan telah membantu pihak pengurusan menyelesaikan isu cadangan ahli Mesyuarat Majlis Bersama Jabatan yang mahukan satu platform rasmi disediakan untuk memudahkan tugas kakitangan.
- b. Penjimatan masa dan tenaga telah berlaku apabila kakitangan dan pengguna boleh mengakses pelaporan, borang, dokumen, pautan serta maklumat lain melalui satu platform sahaja.
- c. Peningkatan tahap motivasi kepada semua kakitangan kerana pihak pengurusan mempunyai satu mekanisme yang lebih cermat, mudah serta mesra pengguna.
- d. Pihak pengurusan juga tidak perlu menyediakan ruang penyimpanan dokumen pelaporan yang banyak kerana semua dokumen boleh diakses secara dalam talian.

Maka secara impaknya:


Impak Kepada Jabatan	Impak Kepada Kakitangan
<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Pihak pengurusan dapat menyampaikan maklumat kepada semua kakitangan selari dengan pekeliling dan peraturan yang berkaitan.</li> <li>2. Pihak institusi dapat melaksanakan tadbir urus serta operasi pengurusan yang baik selaras dengan kriteria yang digariskan oleh pihak berwajib khususnya Jabatan Perkhidmatan Awam.</li> </ol>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Meningkatkan motivasi dan keupayaan kendiri individu melalui proses tugasan dan aktiviti yang lebih mudah, menjimatkan kos, tenaga dan masa.</li> <li>2. Memberikan keyakinan kepada kakitangan dalam melaksanakan tugas berdasarkan konsep pematuhan kepada peraturan.</li> </ol>

## CABARAN PELAKSANAAN PROJEK / AKTIVITI

Antara cabaran ketika pelaksanaan projek adalah menangani persepsi persekitaran samada melibatkan rakan sekerja atau individu luar di samping pengetahuan ahli pasukan yang bukan dalam bidang teknologi maklumat. Namun, semua perkara ini dapat di atasi dengan baik hasil

sokongan dan bantuan pihak-pihak yang bersedia membantu membekalkan ilmu serta bahan rujukan asas bagi penghasilan projek.

Selain itu juga, kesediaan menerima perubahan teknologi oleh warga institusi sedikit sebanyak menjadi kayu pengukur kepada kejayaan projek ini. Walau bagaimanapun, Roger (1962) dalam Mohamed Nazul Ismail, (2020) telah melakarkan Keluk Adaptasi Teknologi yang mengkategorikan kelompok manusia terhadap teknologi seperti berikut :



Rajah 1: Keluk Adaptasi Teknologi, Roger (1962)

Berasaskan kepada Rajah 1, sekitar 2.5% sahaja pensyarah mahupun pelajar yang cenderung untuk menjana dan berfikir kepada sesuatu adaptasi atau inovasi yang baharu dalam konteks pengajaran dan pembelajaran masa kini. Manakala kebanyakan yang lain akan menyusuli kepada perubahan tersebut pada kadar masing-masing. 13.5% dikategorikan sebagai peneraju perubahan, 34.5% sebagai penggerak manakala 34% menjadi pengikut dan 16% dikelompokkan digelar kelompok ketinggalan daripada arus perubahan teknologi.

Oleh yang demikian, menurut Roger dalam mana-mana organisasi keluk adaptasi teknologi ini adalah normal. Justeru, melalui penemuan ini pengkaji melihat isu penerimaan perubahan bukan satu perkara halangan yang besar sehingga mampu menggagalkan pelaksanaan projek.

## CADANGAN PENAMBAHBAIKAN

Sebagai langkah penambahbaikan, projek ini boleh dinaik taraf dengan penggunaan sistem dan perisian rangkaian komputer yang lebih baik dengan pengaplikasian kepada teknologi telefon pintar.

Melaksanakan kajian penyelidikan terhadap keberkesanan projek dengan penglibatan responden yang lebih ramai daripada semua Kolej Komuniti Malaysia.

## KESIMPULAN

Penghasilan projek eStore : Gerbang Dokumentasi telah memberi suntikan baharu kepada Kolej Komuniti Rompin dan warganya apabila berjaya direalisasikan penggunaannya secara menyeluruh. Walau bagaimanapun projek inovasi ini perlu ditambah baik dari masa ke masa

dengan menambah beberapa elemen penting agar ia setanding dengan keperluan semasa. Perubahan polisi dalam tadbir urus seperti pendigitalan dokumen dan perubahan dalam pengurusan repositori dokumen amat perlu kepada sokongan semua pihak khususnya di bahagian pentadbiran dan pengurusan.

## RUJUKAN

- Chen, C. H., & Tseng, H. C. (2021). Using Google Sites as a Platform for Student Portfolios and Document Sharing. *British Journal of Educational Technology*, 52(3), 1121–1135.
- Hasmiah Kasimin, Siti Hajar Mohd Idris, & Noraidah Sahari. (2010). Ke Arah E-Kerajaan Berpusatkan Rakyat: Satu Penerokaan Awal Memahami Permintaan Perkhidmatan Awam dalam Talian di Malaysia. *Prosiding Perkem V*, 2, 14–24.
- Ismail, N. A., & Sulaiman, H. (2021). Digital Transformation in Public Sector: A Study of E-Government Initiatives in Malaysia. *Malaysian Journal of Computer Science*, 34(1), 59–74.
- Khan, I., & Abidi, S. M. R. (2019). A Framework for Implementing Lean Management in Higher Education Institutions. *International Journal of Educational Management*, 33(5), 963–976.
- Al-Kurdi, O. F., El-Haddadeh, R., & Eldabi, T. (2020). Knowledge Sharing in Higher Education Institutions: A Systematic Review. *Technological Forecasting and Social Change*, 153, 119–125.
- Mohamed Nazul Ismail. (2020). Cabaran Kepimpinan Dalam Pengurusan Pembelajaran Digital. *Jurnal Refleksi Kepemimpinan Jilid III*, 2020, III, 20–24. Retrieved from <http://dx.doi.org/10.1016/j.ndteint.2014.07.001%0A>  
<https://doi.org/10.1016/j.ndteint.2017.12.003%0A><http://dx.doi.org/10.1016/j.matdes.2017.02.024>
- Norashikin Zainal Abidin, Noraidah Sahari @ Ashaari, Hasmiah Kasimin, & Siti Hajar Mohd Idris. (2011). e-Kerajaan: Ke Arah Mewujudkan Budaya e-Pengguna Dalam Kalangan Rakyat Malaysia. *Prosiding Perkem VI*, 1, 181–192.
- Nur Syazwani Mohtar & Muhammad Ammar Shafi. (2021). Pelaksanaan E-Digital dalam Kalangan Industri Kecil dan Sederhana di Negeri Johor. *Research in Management of Technology and Business*, 2(2), 92–104.
- Rahayu Ahamad Bahtiar, Sham Ibrahim, Halijah Ariffin, Nor Hazimah Ismail, & Wan Mohd Khairul Wan Isa. (2020). Peranan dan Cabaran Pemimpin Pendidikan Dalam Memastikan Matlamat dan Agenda Pendidikan Dilestari Dalam Tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) Covid-19. Institut Aminuddin Baki: Kementerian Pendidikan Malaysia, 2(1), 1–23.
- Zhang, Y., & Leung, L. (2020). Adoption of Cloud-Based Document Management Systems in Educational Institutions: A Case Study Approach. *Journal of Educational Technology & Society*, 23(2), 45–56.